

MAHADI CHE NGAH BERSARA PADA 31 MAC INI

Siapa Datuk Bandar baru KL?

(27.03.2023) metro, p13

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengganti jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu masih menjadi teka teki apabila penyandanginya, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bakal bersara 31 Mac ini.

Mahadi sebelum ini dilantik menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-13 pada Oktober 2020 menggantikan Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Khidmat Mahadi sepatutnya berakhir pada 30 September 2022 tetapi diberi lanjutan selama enam bulan sehingga akhir bulan ini.

Tiga nama yang disebut mengisi jawatan itu antaranya Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Azmi Abdul Hamid dan bekas

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Ruzain Idris.

Turut disebut-sebut adalah Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood.

Portfolio Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah kedudukan penting yang bertanggungjawab menguruskan DBKL di samping menentukan hala tuju ibu negara Malaysia supaya menepati visi dan misi kerajaan.

Disebabkan itu, individu yang dilantik mengetahui DBKL sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur

MAHADI



AZMAN

Lumpur memegang amanah penting bagi memenuhi hasrat warga kota dan kerajaan.

Individu yang dilantik juga mempunyai tugas berat bagi mengetuai pentadbiran dan pengurusan DBKL selaku antara pihak berkuasa tempa-



RUZAIN

tan (PBT) terbesar di negara ini.

Ditambah lagi, individu yang dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-14 bakal menggalas tanggungjawab berat bagi mengatasi isu banjir kilat yang sering berlaku di kawasan tertentu di ibu negara setiap kali berlakunya hujan lebat.

Selain banjir kilat, isu perumahan mampu milik di ibu kota yang sering diungkapkan orang ramai perlu difikirkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu.



AZMI

Melihat kepada pengalaman dan latar belakang setiap calon, ketiga-tiga mereka mempunyai kekuatan serta kelebihan untuk dilantik ke jawatan itu.

Contohnya Ruzain sendiri memiliki pengalaman luas dalam kerajaan dan pernah menjawat pelbagai jawatan seperti Ketua Pengarah Penyiaran.

Manakala Azman juga bukan orang yang 'asing' bagi DBKL.

Beliau pernah menjawat jawatan Pengarah Jabatan

Penguatkuasaan DBKL sebelum ditukarkan ke Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Air, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Azman adalah penggerak utama Operasi Banteras Aktiviti Haram (Op Bah) yang ditubuhkan sejak 2014.

Op Bah ini dilaporkan sudah berlanjutan lebih 50 siri dengan kerjasama bersepadu 27 agensi kerajaan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) serta pembabitian lebih 18 badan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

Oleh yang demikian, tidak kira siapa yang dilantik, individu itu mestilah mempunyai kemampuan dan mempunyai rekod prestasi yang telah terbukti.

Antara ketiga-tiga calon ini iaitu Azmi, Ruzain atau Azman, ada kemungkinan juga nama lain dipilih atau ada kemungkinan juga khidmat Mahadi boleh disambung semula.